



# SEMINAR KEPIMPINAN ISLAM SERANTAU

*Seminar on Regional Muslim Leadership*

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

## Peranan Belia dalam Pembentukan Kepimpinan Islam Menuju Alaf Baru

*The Role of Youth in Muslim Leadership in the New Millennium*

**Encik Ahmad Azam Abdul Rahman**

Presiden ABIM  
President of ABIM

29 Safar & 1 Rabi<sup>c</sup> al-Awwal 1420  
14 & 15 Jun 1999

Dewan Kuliah Utama  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya



# PERANAN BELIA DALAM PEMBENTUKAN KEPIMPINAN ISLAM MENJELANG ALAF BARU

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أَخْرَجْتَ لِلنَّاسِ تَأْمِرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَنَهَايْتُمُ الظَّالِمِينَ

Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf, dan mencegah daripada yang mungkar, dan beriman kepada Allah-Ta'ala".

(Ali Imran, 3:110)

## Mukadimah

Masyarakat di seluruh dunia termasuk umat Islam menantikan kemunculan alaf baru dengan penuh debaran dan harapan. Tidak semua generasi manusia berpeluang mengalau-alukan ketibaan sesuatu alaf, berbeza dengan ketibaan tahun atau dekad yang sentiasa datang dan pergi. Tambahan lagi, alaf ini dipenuhi dengan pelbagai peristiwa pahit maung dan bagi umat Islam terutamanya, alaf ini pada umumnya memberikan sejarah yang sangat sukar untuk diterima. Jadi, lembaran akan datang sentiasa diharap supaya membuka suasana baru yang lebih baik untuk umat sejagat.

## Tiga Pendekatan

Untuk memilih pemimpin Islam yang mampu menghadapi cabaran zamannya bukanlah sesuatu yang mudah. Kepimpinan sentiasa menjadi persoalan penting dalam isu ummah kerana peranan dan tanggungjawabnya yang begitu besar dalam menentukan arah aliran masyarakat. Abad 20 Masehi telah menampilkan pelbagai eksperimen yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Islam untuk mengangkat martabat umat untuk kembali berperanan sebagai khalifatullah di

muka bumi ini. Dalam proses menentukan kepimpinan ini sekurang-kurangnya ada tiga model yang telah dicuba oleh masyarakat Islam

- Pendekatan Peniruan Penuh: Model ini beranggapan bahawa jika kita ingin maju dan setanding dengan kemakmuran bangsa lain khususnya Barat, kita harus meniru mereka secara penuh, menyeluruh dan total, iaitu tanpa ada pengecualian. Peniruan ini diharap dapat mempercepatkan proses pembangunan negara. Melalui model ini maka wujudlah aplikasi kaedah-kaedah kepimpinan yang ditiru bulat-bulat dari Barat.
- Pendekatan Selektif dan Akomodatif: Model ini menganggap bahawa tidak semua perlu ditiru dari Barat. Kita mesti mempunyai daya saing yang tinggi dan tahu awlawiyyat (keutamaan) yang diperlukan umat untuk membangun.
- Pendekatan Penolakan Total: Model ketiga menganggap Barat bukan sebagai contoh yang boleh diteladani kerana nilai-nilainya jelas bertentangan dengan Islam. Oleh itu segala-gala yang datang dari Barat hendaklah ditolak sepenuhnya. Sebaliknya kita mestilah kembali kepada Al-Quran dan As-Sunnah dengan seutuhnya. Kita ada zaman keemasan kita sendiri yang sepatutnya menjadi rujukan khususnya ketika Kerajaan Abbasiyah (750M – 1258M) dan Kerajaan Ummayyah di Sepanyol (711M – 1492M). Umat Islam abad mendatang mestilah menjadikannya contoh untuk maju.

Inilah tiga pendekatan umum yang menjadi model kepada para pemimpin Islam abad 20 untuk berjaya dan setanding dengan bangsa yang maju. Berasaskan situasi dan perkembangan kini, masih terlalu banyak yang perlu diperjuangkan oleh umat Islam untuk kita maju ke barisan hadapan dan memberikan kesan serta pengaruh kepada dunia.

Generasi belia tidak dapat lari daripada cabaran ini dan mereka mesti menghadapinya melalui sokongan generasi ibu bapa mereka. Saidina Umar Al-Khattab pernah berkata; "Didiklah anak-anak kamu, sesungguhnya mereka dilahirkan untuk zaman yang bukan zaman kamu".

### **Mengambil Iktibar Sejarah**

Generasi muda Islam pertama sekali seharusnya peka dengan sejarah umat Islam. Melalui sejarah mereka akan mempelajari peristiwa-peristiwa penting yang boleh dijadikan teladan dan asas kesedaran untuk maju ke hadapan.

Hakikat sejarah sebenar telah banyak memberi pengajaran kepada umat Islam. Inilah yang perlu disedari oleh generasi muda. Selepas Kejatuhan Empayar Uthmaniyyah di Turki pada 1924, umat Islam telah berpecah-pecah menjadi negara-bangsa (nation-state). Sama ada dirancang atau tidak, mereka sentiasa bercakaran antara satu sama lain. Ikatan agama dan persaudaraan Islam sudah tidak penting. Keutamaan diberikan kepada semangat nasionalisme atau semangat kebangsaan. Orang Turki lebih penting dari orang Arab, orang Malaysia lebih maju dari orang Indonesia, orang India bersaing dengan orang Pakistan, Iran berperang dengan Iraq dan begitulah keadaannya sampai sekarang.

Abad 20 ini benar-benar menampakkan betapa sakitnya umat ini. Walaupun selepas perang Dunia Kedua, banyak negara Islam telah merdeka daripada penjajahan, tetapi hakikatnya mereka terus bergantung kepada Barat untuk membangunkan negara mereka. Mereka terus berkiblat ke barat untuk mendapatkan petua-petua dan panduan bagi membina bangsa mereka. Selain itu mereka cuba merangka dan merancang strategi-strategi tertentu tetapi yang nyata sehingga kini, belum muncul sebuah negara pun yang boleh dibanggakan sebagai negara yang merdeka dan maju dalam erti kata yang sebenarnya.

Faktor sejarah ini penting difahami supaya sejarah baru dapat dicipta tanpa perlu mengulangi sejarah lampau. Generasi muda juga perlu sedar bahawa jalan kemajuan bukannya mudah. Terlalu banyak cabaran yang mesti dilalui dan musuh-musuh Islam akan sentiasa bekerja keras untuk menghalang usaha-usaha ke arah kebangkitan semula Islam. Selepas kejatuhan komunis di Soviet Rusia 1991, Samuel Huntington misalnya, cuba menghidupkan semula Perang Salib dengan meramalkan bahawa abad 21 akan menyaksikan perperangan antara Barat dan Islam. Beliau menulis dalam bukunya yang kontroversial, *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Orders*. Beliau berpandangan bahawa:

"The underlying problem for the West is not Islamic fundamentalism. It is Islam, a different civilization whose people are convinced of the superiority of their culture and are obsessed with the inferiority of their power. The problem for Islam is not the CIA or the U.S Department of Defense. It is the West, a different civilization whose people are convinced of the universality of their culture and believe that their superior, if declining, power imposes on them the obligation to extend that culture throughout the world. These are the basic ingredients that fuel conflict between Islam and the West.

### **Abad 21: 508 Tahun Dominasi Barat (1492-2000)**

Menjelang abad 21 ini, maka genaplah 508 tahun penguasaan dan dominasi Barat terhadap dunia ini. Dari abad 16 hingga ke 18, penguasaan Barat adalah dalam bentuk persaingan kuasa untuk menjajah dunia di antara kuasa-kuasa Portugis, Belanda, Perancis, Sepanyol dan Jerman. Kemudian England muncul sebagai kuasa dunia dan selepas Perang Dunia Kedua, dan begitu juga Amerika Syarikat yang muncul sebagai "super power" untuk mencorakkan dan mewarnai sosio-politik-ekonomi dunia

Dr Roger Garaudy, seorang pemikir Islam keturunan Perancis yang unggul di abad ini, menamakan penguasaan Amerika Syarikat ini sebagai "Unified Colonialism" yang bermaksud Amerika Syarikat mengetuai negara-negara Barat lainnya untuk meneruskan penjajahan ke atas dunia ini.

Malah, Washington bukan sahaja menjadi tempat rujukan untuk menyelesaikan konflik antara negara, tetapi juga mendominasi badan-badan Dunia seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Bank Dunia, International Monetary Fund, World Trade Organization yang secara langsung menangani setiap perkembangan baru di dunia.

Secara perbandingan, menjelang Abad 21 ini, dominasi Kuasa Barat sudah sampai ke kemuncaknya dan mengikut Sunnatullah, setiap yang naik pasti akan turun,. Jadi mungkinkah Abad 21 ini akan menyaksikan bermulanya proses kejatuhan tersebut?

Umpama sebuah tubuh badan, dunia Islam kini kelihatan sudah lumpuh, dan hidupnya bergantung dengan ihsan orang lain. Dari segi ekonomi, politik, sosial dan teknologi, orang Islam hampir kesemuanya terpaksa bergantung dengan Barat. Malah ketika saudara seagamanya sendiri dibunuhi, diperkosa, dan dimusnahkan dari muka bumi ini sebagaimana yang berlaku ke atas Bosnia dan Kosova, Dunia Islam hanya mampu menjadi penonton. Selain itu mereka rela pula untuk merintih dan menjerit, memohon simpati Amerika Syarikat untuk berbuat sesuatu bagi memberhentikan kezaliman tersebut.

Dunia Islam sudah berada di tahap yang paling rendah dalam sejarah ketamadunan Persoalan ini kini banyak terletak pada peranan belia dan generasi muda sekarang yang akan menjadi penerus generasi kini.

## **Penguasaan ilmu pengetahuan**

Kemunculan Tamadun Barat bermula dengan hubungan langsung pemimpin mereka dengan Tamadun Islam yang telah membina Universiti-Universiti di Barat ketika zaman keemasan kerajaan Umayyah di Sepanyol seawal-awalnya pada abad ke-12. Di universiti-universiti inilah segala khazanah ilmu Islam diterjemahkan dari Bahasa Arab ke Bahasa Latin dan bahasa tempatan. Penterjemahan ini dilaksanakan secara besar-besaran kerana mereka pasti bahawa inilah sahaja satu-satunya cara untuk menguasai dunia ini iaitu melalui penguasaan ilmu pengetahuan.

Lalu berlakulah usaha yang sangat terancang untuk menerjemahkan karya-karya penting yang dihasilkan oleh cendikiawan Islam semasa zaman keagungannya. Antara tulisan-tulisan yang merevolusikan ilmu adalah hasil karya tokoh-tokoh Islam seperti Al-Khawarizmi (780-847M), ahli Matematik; Al-Razi (865-925M) ahli Perubatan dan Kimia; Ibnu Sina (980-1037M), pakar Perubatan dan Falsafah; dan Al-Biruni (973-1050M) pakar Astronomi & Matematik.

Orang-orang Barat khasnya Kristian mulai menguasai ilmu-ilmu moden daripada orang Islam sejak Abad ke-12 ketika zaman keemasan Kerajaan Umayyah yang membina universiti-universiti di Cardoba, Seville, Toledo dan Granada. Pusat-pusat pendidikan ini yang sebenarnya mencetuskan Zaman Renaissance di Barat. Ilmu yang mereka pelajari selama hampir 300 tahun telah membebaskan diri mereka dari zaman kegelapan sehingga mereka mampu melahirkan saintis-saintis terkemuka seperti Isaac Newton (1642–1727M) mengenai Hukum Graviti; William Harvey (1578 – 1657M) mengenai Ilmu Perubatan; Galileo Galilei (1564-1642) mengenai Ilmu Astronomi; dan Johann Gutenberg (1397-1468) mengenai Ilmu Percetakan.

Generasi belia di Barat mengambil masa lebih 300 tahun untuk mendalamai ilmu ini sebelum mereka mampu melahirkan tokoh-tokoh tersebut. Belia-belia Islam

perlu bangkit daripada penindasan dan penguasaan Barat ke atas umat Islam. Apabila Barat mula melaksanakan rancangan menghapuskan tamadun Islam, satu perkara besar dan tragis bagi umat Islam yang dilakukan oleh mereka ialah menghapuskan segala kesan ilmu yang ada pada orang Islam. Hal ini telah diungkapkan oleh Noam Chomsky di dalam bukunya *Year 501 – The Conquest* yang mengutip pandangan sejarawan Afrika, Basil Davidson semasa mencatat saat kejatuhan Kerajaan Umayyah Sepanyol:

"The fall of Granada in 1492, ending eight centuries of Moorish sovereignty, allowed the Spanish Inquisition to extend its barbaric sway. The conquerors destroyed priceless books and manuscripts with their rich record of classical learning, and demolished the civilization that had flourished under the far more tolerant and cultured Moorish rule".

Daripada kehancuran inilah umat Islam perlu membina semula kekuatan ilmu mereka bagi mendapatkan semula kekuatan politik, ekonomi dan teknologi umat. Masyarakat Asia sejak beberapa dekad ini nampaknya telah mulai membina tapak kekuatan mereka. Mereka mulai diharap-harap untuk bangkit bagi menggantikan tamadun Barat yang semakin merosot. Begitu juga umat Islam, khususnya di Malaysia telah diharap untuk menjadi perintis ke arah kemajuan dunia Islam umumnya. Namun, mengikut Kishore Mahbubani, seorang diplomat Singapura ketika menulis dalam *Can Asian Think*, beliau berpendapat:

"It is truly astonishing that even today, as we stand on the eve of the 21<sup>st</sup> century, 500 years after the arrival of the Portuguese colonisers in Asia, only one - I repeat, one - Asian society has reached, in a comprehensive sense, the level of development that prevails generally in Europe and North America today. The Japanese mind was the first to be awakened in Asia, beginning with the Meiji Restoration in the 1860s. Japan was first considered developed and more or has accepted as an equal by 1902, when it signed the Anglo-Japanese alliance".

Persoalannya ialah mengapa Jepun mampu mendahului negara Asia untuk maju? Jawapannya ialah Jepun mengamalkan dasar "Economic modernization

*without cultural westernization*" sedangkan negara Islam mengambil pendekatan Pembaratan total untuk maju. Contoh yang terbaik ialah negara Turki yang sehingga sekarang masih bergelut dengan pelbagai masalah.

[17]

## **Prasyarat Kebangunan – Peranan Generasi Belia**

Dalam surah Ali Imran, 3:140 Allah berfirman,

وَتِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ

Dan masa (kejayaan dan kehancuran) itu, Kami pergilirkan di antara manusia (agar mereka mendapat pelajaran).

A

Penggiliran antara bangsa-bangsa untuk naik dan turun memang telah terbukti dalam sejarah manusia. Kemunculan Tamadun Yunani diganti dengan Rom dan Parsi. Kemudian muncul tamadun Islam di samping Tamadun China dan India yang silih berganti bergantung kepada kualiti kepemimpinan sesuatu bangsa tersebut.

Bagi membina kepimpinan Islam menjelang alaf akan datang, generasi belia mempunyai tugas yang mencabar untuk dilaksanakan dengan penuh kekuatan dan keazaman.

Malek Bennabi (1905-1973) seorang pemikir Algeria yang banyak menulis mengenai Pembangunan Tamadun mengatakan bahawa umat Islam mestи mempunyai dua kekuatan untuk bangkit semula merebut kekhilifahan. iaitu kekuatan ilmu dan kekuatan rohani. Kekuatan ilmu bermakna generasi belia harus dipersiapkan dengan ilmu-ilmu moden dan terkini termasuk karya-karya agung ulama di zaman keemasan Islam. Untuk ini berlaku gerakan

penterjemahan besar-besaran ilmu-ilmu ini ke bahasa Melayu mesti dilakukan sebagaimana yang telah berlaku di Barat dan juga di Jepun. Proses pendemokrasian ilmu mesti dirancang agar generasi belia mendapat pendedahan maksimum terhadap ilmu-ilmu terbaik yang telah membina tamadun.

Kekuatan rohani adalah intipati kepada kekuatan umat Islam yang telah mampu mencipta kegemilangan sejarah masa lampau. Untuk menjana kekuatan ini, institusi masjid yang telah berperanan sebagai pusat pembinaan tamadun Islam seawal zaman Ar Rasul s.a.w. mesti digilap dan diberi nafas baru yang segar dan dinamik.

Usaha penyelidikan mesti ditaja dan diberi pengarahan baru untuk mengkaji secara saintifik agar institusi masjid dapat berperanan secara berkesan untuk menjana generasi belia yang tinggi akhlaknya, progresif dan dinamik.

Ketika Barat sedang dilanda krisis akhlak yang amat parah, generasi belia Islam haruslah dipersiapkan supaya tidak terjerumus ke lembah yang sama. Di samping itu, suatu usaha yang bersungguh-sungguh harus diberi perhatian kepada proses pembinaan kepemimpinan umat Islam alaf baru. Negara-negara Islam di seru untuk memberi perhatian serius mengenai isu ini memandangkan sebarang rekayasa pembangunan umat banyak bergantung kepada kualiti pemimpinnya. Sekiranya setiap negara Islam bersedia untuk menujuhkan Institut Kepemimpinan Masa Depan – (Institute for Future Leadership) dengan matlamat dan aspirasi yang dipersetujui bersama, dan setiap Institut diikat di dalam suatu rangkaian global dengan misi yang satu iaitu untuk menjana pemimpin Islam masa depan yang berkualiti adalah diyakini, masa depan umat Islam akan lebih baik dan terancang.

**Penutup**

Kebangkitan Islam yang meledak seawal tahun 1970-an, nampaknya telah mencetuskan suatu kesedaran baru beragama di kalangan penganutnya di seluruh dunia. Namun demikian, setelah hampir 30 tahun beraliu menjelang abad 21 ini, cetusan kesedaran tersebut belum dapat menghasilkan sesuatu yang membanggakan. Umat Islam semakin ditindas dan dianiaya hampir di mana-mana. Harapan kita ialah kepada generasi muda. Suatu perancangan strategik perlu dilakukan agar akan lahir nantinya pemimpin muda yang punya kualiti yang mampu mengangkat martabat umat ini, Insya-Allah.